

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**  
**[TANAH MERAH]**  
**TARIKH : 25 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah bahayanya penggunaan antibiotik dalam industri ternakan ayam.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pengawalan produk veterinar yang mengandungi antibiotik termasuk *premix* antibiotik bagi kegunaan haiwan ternakan yang bertujuan untuk rawatan (*medicinal purpose*) adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Semua persediaan produk veterinar perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sebelum ianya boleh dikilang, dijual, dibekal, diimpot, dimiliki atau diadministrasi. Melalui proses pendaftaran ini, pihak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memastikan produk veterinar yang digunakan adalah selamat, berkesan dan berkualiti. Persediaan produk veterinar yang berdaftar ini hanya boleh dipreskripsikan oleh doktor veterinar berdaftar.

Antibiotik yang terlarang dalam produk veterinar adalah tidak dibenarkan digunakan dalam makanan haiwan termasuk oleh pengilang makanan haiwan. Antibiotik yang terlarang ini yang dikesan boleh menyebabkan risiko kanser jika digunakan oleh haiwan disenaraikan dalam Appendix 6, Garispanduan Pendaftaran Produk Veterinar, Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara antibiotik yang terlarang adalah Carbadox, Olanquinox dan Nitrofurans yang ada kesan *carcinogenicity* dan *genotoxicity*.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pengawalan antibiotik dalam bentuk *premix* dan *medicated feed* yang bertujuan untuk digunakan bagi merangsang pertumbuhan (*growth stimulation/growth promotion*) dan mencegah penyakit (*prevention of disease*) adalah dikawal di bawah Akta Makanan Haiwan 2009.

Di bawah Akta ini, pihak Lembaga Makanan Haiwan (dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar selaku urusetia) ditubuhkan untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan termasuk antibiotik dengan mengawal pengimpotan, pembuatan, penjualan dan penggunaan antibiotik dalam makanan haiwan.

Melalui Akta ini, pengilang-pengilang makanan haiwan (*feedmiller*) yang mengilangkan antibiotik dalam makanan haiwan dilesenkan manakala penggunaan antibiotik di ladang-ladang ternakan dikawal dimana antibiotik yang dimasukkan ke dalam makanan haiwan perlu mengikut cara yang ditetapkan dan pada takat yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak KKM melalui Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan dan Bahagian Penguatkuasa Farmasi bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan penggunaan antibiotik dalam makanan haiwan adalah terkawal dan tidak menyebabkan risiko keselamatan kepada rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penggunaan antibiotik dalam industri ternakan ayam adalah di bawah kawalan Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani. Walau bagaimanapun, kadar residu antibiotik dalam makanan berasaskan haiwan seperti ayam sentiasa dikawal oleh KKM di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Peraturan tersebut telah menetapkan kadar

maksimum antibiotik yang dibenarkan dalam makanan agar tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Kadar yang ditetapkan ini adalah selaras dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh Codex Alimentarius Commission berasaskan bukti saintifik berhubung keselamatan antibiotik tersebut. Dalam hal ini, KKM sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan agar kandungan antibiotik tersebut mematuhi tahap yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan pengguna adalah terjamin